

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

**YKT 212 – Komunikasi dan Budaya**

Masa: 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 5 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab TIGA (3 ) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Pilih empat (4) daripada konsep-konsep berikut dan berikan takrifan serta contohnya:

- (a) masyarakat massa
- (b) ideologi
- (c) restu
- (d) tradisi pilihan
- (e) budaya melawan
- (f) gender

(100 markah)

2. Budaya kecil seperti *punk* mempunyai stailnya tersendiri yang hanya membantu menyisihkan dirinya dari masyarakat arus utama. Kaitkan konsep hegemoni yang dipelopori pemikir Itali, Antonio Gramsci, dalam perbincangan anda mengenai kenyataan di atas.

(100 markah)

3. Kemasukan unsur budaya dari luar, khususnya dari Barat, tidak akan menjelaskan usaha membina kebudayaan kebangsaan. Bincang dakwaan ini dengan mengambil kira perdebatan yang berkisar pada persoalan imperialisme budaya.

(100 markah)

4. Muzik popular dikatakan menjadi satu wadah bagi tujuan menimbulkan kesedaran orang ramai tentang keadaan sosial mereka. Bincangkan. Perbincangan anda mengenai kenyataan ini perlu mengambil kira keadaan sosio-ekonomi dan politik masyarakat Malaysia pada tahun-tahun 80-an dan 90-an.

(100 markah)

5. Pameran artifak dalam sesebuah muzium mencerminkan hubungan sosial yang tidak adil dalam sesebuah masyarakat. Bincang dakwaan ini dengan mengambil kira hujahan pengkaji seperti Gaby Porter.

(100 markah)

-oooOooo-